



CCM Fertilizers pacu pertanian negara

Kilang baja sebatian jadi tulang belakang kepada kesinambungan sektor perladangan

Oleh Mohamad Hashim Ahmad Tajudin

CHEMICAL Company of Malaysia Berhad (CCM) Fertilizers (CCM Fertilizers) sebagai badan korporat syarikat berkaitan kerajaan (GLC), akan terus memacu usaha memajukan sektor pertanian negara ketika dunia kini berdepan krisis makanan.

Syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengilangan dan pemasaran baja itu, akan terus memperluaskan keupayaannya untuk menjadi syarikat pembuat baja sebatian terbesar di rantau Asia Tenggara ini.

Malah, dalam masa terdekat ini, CCM Fertilizers akan membina sebuah lagi kilang di Medan, Indonesia. Selain mempunyai sebuah kilang membuat baja sebatian di Shah Alam, syarikat ini sedang membina dua kilang di dalam negara yang masing-masing terletak di Bintulu, Sarawak dan Lahad Datu, Sabah.

Dalam mendukung usaha ini, CCM Fertilizers akan meningkatkan kapasiti pengeluaran baja untuk memenuhi keperluan nutrisi tanaman di dalam negara.

Semua dasar ini membabitkan pertanian dan komitmen pelbagai pihak termasuk sektor swasta. CCM Fertilizers akan sentiasa mendukung objektif dasar pertanian sejak dari awal penubuhannya. Ia adalah syarikat pembuat baja pertama ditubuhkan di negara ini.

Penubuhannya pada 1963 adalah titik tolak pembabitannya secara aktif dalam menyokong tulang belakang ekonomi utama negara, iaitu pertanian pada masa itu.

Ia bertanggungjawab dalam memastikan kemajuan bidang pertanian bagi memacu ekonomi negara yang masih baru mengemudi kemerdekaan. Tanaman getah adalah tanaman utama selain kelapa sawit ketika itu.

Pembukaan tanah baru untuk tujuan perladangan rancak dijalankan. CCM Fertilizers, yang ketika itu dikenali sebagai ICI (Malaysia) Ltd, bertanggungjawab dalam menyokong perkembangan industri pertanian dengan membekalkan keperluan baja kepada sektor perladangan utama tanpa bergantung kepada syarikat pembuat baja luar negara.

Pada 1967, syarikat ini memulakan operasi pengilangan membuat baja sebatian yang pertama di Malaysia. Pembinaan kilang teknologi Britain ini memacu lebih rancak sektor perladangan dan pertanian negara ke arah lebih maju.

Pada tahun itu, syarikat ini yang bergelar ICI (Malaysia) Ltd memperkenalkan baja sebatian menggunakan cap kepala ayam sebagai jenama. Baja sebatian cap kepala ayam ini digunakan dalam sektor pertanian ke atas semua jenis tanaman komersial yang memerlukan bekalan nutrisi berkualiti. Syarikat ini dikenali sebagai ICI Fertilizers (M) Sdn Berhad pada 1987.

Pada masa ini, CCM Fertilizers meneruskan tanggungjawab korporatnya untuk menyokong pembangunan dan keperluan nutrisi kepada sektor pertanian serta perladangan yang menjadi penjana ekonomi ketiga ter-



TEKNOLOGI BARU: Tan Sri Muhyiddin Yassin melihat baja Gromax yang dikeluarkan CCM Fertilizers ketika pelancaran produk berkenaan pada 2005.

penting negara.

Malah pada era pemodenan ini, CCM Fertilizers amat menitikberatkan pulangan hasil maksimum oleh petani dengan input optimum dan berkesan. Langkah ini dikatakan mampu meningkatkan daya saing sektor pertanian selaras dengan objektif Dasar Pertanian Negara (DPN).

Pelbagai usaha dilakukan CCM Fertilizers untuk menjamin pulangan hasil pertanian yang tinggi. Syarikat ini mengamalkan prinsip menggunakan teknologi dan inovasi sains dan disalurkan kepada petani untuk meningkatkan lagi kualiti hidup mereka.

Kualiti hidup mereka hanya dapat

ditingkatkan dengan pengeluaran hasil yang tinggi menggunakan produk dan layanan daripada CCM Fertilizers.

Aktiviti pembajaan sendiri memerlukan tenaga buruh yang banyak. Kekurangan tenaga buruh amat kritikal pada masa ini. Kesannya, sektor pertanian negara terpaksa menggunakan tenaga buruh asing.

Ia membabitkan kos tinggi di samping perlunya pemantauan berterusan terhadap buruh asing oleh pihak berwajib. CCM Fertilizers menawarkan satu mekanisme mengurangkan ketergantungan terhadap tenaga buruh dengan mengeluarkan baja sebatian untuk digunakan di ladang.

Penggunaan baja sebatian dapat

mengurangkan penggunaan tenaga buruh menerusi pengurangan keperluan pembajaan berbanding penggunaan baja lurus. Penggunaan baja lurus tidak lagi relevan dengan situasi masalah tenaga buruh dan kos pengangkutan baja yang tinggi pada masa sekarang.

Kualiti produk adalah faktor utama dititikberatkan di dalam pengeluaran baja sebatian oleh CCM Fertilizers. Penggunaan baja sebatian yang tinggi kualitinya dapat menjamin keberkesanan penggunaan nutrisi oleh tanaman, sekali gus menggalakan hasil yang tinggi dan menguntungkan usahawan tani.

Kualiti baja yang tinggi dapat memastikan setiap nilai wang ringgit dilaburkan dalam pembelian nutrisi tanaman dapat diterjemahkan dengan pulangan hasil yang menguntungkan dan memastikan daya maju sektor pertanian amnya.

Untuk menjamin keuntungan usahawan tani, CCM Fertilizers mengeluarkan baja sebatian yang mempunyai kualiti tertinggi di rantau Asia Tenggara ini. Baja CCM Fertilizers menggunakan lambang kepala ayam adalah satu-satunya keluaran baja sebatian diiktiraf dengan dua pensijilan kualiti iaitu SIRIM MS 49 sebagai akreditasi kualiti produk dan ISO 9001 untuk kualiti proses pengeluaran.

Dari semasa ke semasa, CCM Fertilizers sentiasa meningkatkan keupayaan teknologi pembuatannya untuk memastikan peningkatan berterusan kualiti baja sebatian dikeluarkan. Ketinggian mutu baja sebatian ditingkatkan lagi dengan ketepatan spesifikasi komposisi nutrisi bagi setiap jenis baja sebatian dikeluarkan.

Ia sangat penting untuk memastikan nutrisi yang dibekalkan kepada tanaman, mencukupi dan seimbang.

Di samping kualiti produk, CCM

Fertilizers sangat menitikberatkan pembangunan teknologi atau amalan baik ladang untuk memastikan pulangan hasil yang tinggi sambil melindungi alam sekitar. CCM Fertilizers menawarkan khidmat nasihat Amalan Baik Ladang melalui pegawai yang terlatih dalam membimbing usahawan tani ke arah pengalaman agronomi secara efektif.

Bagi memudahkan CCM Fertilizers menyampaikan pengetahuan teknologi pertanian yang baik, syarikat ini menubuhkan sebuah kelab untuk petani yang melanggan produk baja sebatian CCM. Kelab ini dikenali sebagai Golden Growers Club (GGC).

Dengan wujud Kelab GGC ini, CCM Fertilizers dapat memainkan perannya dengan lebih berkesan untuk mendidik petani dengan teknologi pertanian terkini. Pelbagai insentif disediakan oleh syarikat ini untuk menggalak dan melahirkan petani yang lebih berpengetahuan dan berjaya.

Insentif ini tidak tertakluk kepada petani itu saja malah dikembangkan kepada anak petani sebagai generasi pelayis yang diharap dapat menyambung aktiviti pertanian yang diusahakan.

Usaha dilakukan melalui Kelab GGC ini sedikit sebanyak membantu melahirkan usahawan tani yang lebih berilmu di samping generasi pelayis yang dapat meneruskan atau meningkatkan lagi aktiviti pertanian pada masa akan datang.

Ini selaras hasrat kerajaan untuk melahirkan usahawan tani moden melalui peningkatan kualiti sumber manusia yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

Secara keseluruhannya, CCM Fertilizers sememangnya sejak lebih 40 tahun memainkan peranan menyokong aspirasi kerajaan dan rakyat negara ini untuk sama-sama mengembangkan pembangunan industri pertanian yang menjadi komponen penting bagi ekonomi Malaysia.

CCM Fertilizers bukan saja memainkan peranan penting dalam meneroka industri baja tempatan, malah syarikat ini mempunyai matlamat untuk memajukan lagi sektor pertanian negara melalui pengembangan dan pendidikan kepada usahawan tani.

Ia menjadi iltizam syarikat korporat ini untuk meningkatkan kualiti hidup usahawan tani dari segi keuntungan, hasil tinggi, ladang mapan, peningkatan ilmu pengetahuan dan penyediaan generasi usahawan tani pelayis.

CCM Fertilizers, sebagai sebuah entiti korporat tempatan yang bertanggungjawab, akan terus mendukung visi kerajaan dalam menyokong pembangunan dan kemajuan industri pertanian Malaysia serta mengemblemkan kepakarannya sebagai pemacu kepada industri baja negara dan rantau ini.

Datuk Dr Mohamad Hashim Ahmad Tajudin ialah Pengarah Urusan Kumpulan CCM, yang juga Alumni UPM Kelas 1978. Ruangannya kerjasama antara Berita Harian dan Persatuan Alumni UPM



BERMUTU: Sebahagian produk baja keluaran CCM Fertilizers.

- INFO**
- Pertanian negara**
- Negara mengimport kira-kira 3.8 juta tan baja mineral setahun antara 2005 hingga 2007. Baja mineral ini diimport sebagai bahan mentah untuk baja sebatian dan campuran atau digunakan terus sebagai baja lurus.
 - Sebahagian besar bahan mineral ini diimport dari negara pengeluar yang mementingkan kualiti seperti Australia, Jordan, Jepun, Mesir, Jerman dan Russia. Pertambahan import dari 2005 hingga 2007, sejajar dengan pertumbuhan pesat industri kelapa sawit negara.
 - Kerajaan memperkenalkan Dasar Pertanian Negara (DPN) untuk merancang dan membangunkan sektor pertanian negara. Negara sedang berada pada akhir tempoh DPN 3 (1998-2010). Matlamat utama DPN 3 adalah untuk memaksimumkan pendapatan usahawan tani melalui penggunaan sumber secara optimum.
 - Antara matlamat DPN 3 ialah:
 - Meningkatkan sekuriti makanan
 - Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian
 - Mengukuhkan pertanian dengan sektor lain.
 - Mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru untuk sektor pertanian, dan
 - Memulihara dan menggunakan sumber asli secara mapan.
 - Pertanian memainkan peranan amat penting dalam pembentukan negara Malaysia sehingga kini dan akan terus menyumbang kepada ekonomi negara ini. Pada waktu krisis ekonomi 1997/98, sektor pertanian menjadi komponen utama memastikan negara tidak terus terjerumus ke kancas krisis yang lebih serius.
 - Sehingga kini, sektor pertanian turut memainkan peranan dalam membantu negara Malaysia sehingga kini dan akan terus menyumbang kepada ekonomi negara ini. Pada waktu krisis ekonomi 1997/98, sektor pertanian menjadi komponen utama memastikan negara tidak terus terjerumus ke kancas krisis yang lebih serius.
 - Sehubungan ini, sektor pertanian turut memainkan peranan dalam membantu negara Malaysia sehingga kini dan akan terus menyumbang kepada ekonomi negara ini. Pada waktu krisis ekonomi 1997/98, sektor pertanian menjadi komponen utama memastikan negara tidak terus terjerumus ke kancas krisis yang lebih serius.
 - Untuk menampung pertumbuhan sektor pertanian yang pesat, negara memerlukan bekalan baja mencukupi. Penambahan keluasan sektor perladangan menyebabkan keperluan terhadap baja semakin tinggi.
 - Baja mineral digunakan secara meluas untuk semua jenis tanaman di negara ini. Baja yang lazim digunakan adalah seperti sebatian NPK serta baja lurus seperti ammonium sulfat, rock phosphate dan potasium.
 - Permintaan baja potasium dan sebatian mengandungi potasium amat tinggi selaras dengan penanaman kelapa sawit.
 - Keseluruhan baja mineral yang digunakan di Malaysia diimport. Baja mineral seperti potasium dan rock phosphate diimport dari negara seperti Kanada, Jerman, Mesir, Jordan, Australia dan Russia. Baja mineral ini menjadi bahan mentah dalam pembuatan baja sebatian.